

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 24, 2019 12:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pegawai Khas Dan Setiausaha Bertanggungjawab Jaga Kerahsiaan Dan Berintegriti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 JULAI 2019 / 21 ZULKAEDAH 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PEGAWAI KHAS DAN SETIAUSAHA BERTANGGUNGJAWAB JAGA KERAHSIAAN DAN BERINTEGRITI



UUM ONLINE: Tugas Pegawai Khas dan Setiausaha Kepada Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor bukan hanya melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan integriti, sebaliknya menjaga kerahsiaan pejabat dengan lebih baik.

Pendaftar, Baharudin Yaacob berkata, penjawat Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu menjaga integriti dan akauntabiliti bagi mengelak persepsi buruk dan nama universiti terjejas.

Menurutnya, semua penjawat awam universiti harus berpegang pada prinsip integriti yang telah ditetapkan dalam perkhidmatan awam dengan tidak terlibat dalam perkara yang melibatkan isu integriti.

"Peranan yang dimainkan oleh Pegawai Khas dan juga Setiausaha cukup besar bagi menjaga imej dan kredibiliti ketuanya agar dapat menggambarkan imej yang positif serta berketrampilan yang baik.

"Selain itu, Pegawai Khas dan juga Setiausaha juga perlu memainkan peranan sebagai seorang yang boleh menyimpan segala rahsia dan juga perkara sulit agar segala maklumat tidak bocor atau diketahui oleh orang yang tidak berkenaan," katanya pada Kursus Pegawai Khas Bagi Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor UUM di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Baharudin berkata, organisasi atau agensi-agensi kerajaan sentiasa berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman sama ada dari dalam atau luar persekitaran dan ancaman ini boleh menjejaskan prestasi, produktiviti serta masa hadapan sesebuah organisasi.

Menurutnya, cabaran besar yang perlu ditangani dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti dalam sesebuah organisasi, justeru dengan amalan nilai integriti dan akauntabiliti yang baik akan mencerminkan sikap profesionalisme sebagai penjawat awam.

Katanya, sikap profesionalisme yang ditonjolkan akan dapat meningkatkan keyakinan dan persepsi orang awam terhadap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Saya berharap kursus ini menjadi platform kepada Pegawai Khas dan Setiausaha Kepada Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor untuk menjalankan tugas dengan lebih efisien dan menjaga kerahsiaan pejabat dengan penuh amanah," katanya.

Kursus kedua anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar itu mensasarkan peserta terdiri pegawai tadbir Gred N41 dan N44 serta semua Setiausaha Pejabat.

Sepanjang kursus, peserta telah mengikuti slot bersama penceramah yang juga mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Karim dan mantan Pegawai Khas kepada Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Mohammad Shafiq Abdul Aziz yang berkongsi pengalaman dan peranan dimainkan semasa bertugas sebagai Pegawai Khas.

Di akhir kursus, 47 peserta terlibat telah menandatangani Ikrar Integriti sebagai tanda sokongan dalam melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.